

28/11/1998

Tuntutan Cuepacs diketahui Isnin

Rohaniza Idris

KUALA LUMPUR, Jumaat - Keputusan mengenai tuntutan Kongres Kesatuan Sekerja Perkhidmatan Awam (Cuepacs) termasuk bayaran insentif bagi menggantikan bonus, dijangka diketahui, Isnin depan.

Setiausaha Agung Cuepacs, S Siva Subramaniam, berkata keputusan itu dijangka disampaikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) apabila mengadakan pertemuan dengan Cuepacs pada hari berkenaan.

Beliau berharap keputusan itu positif bagi meringankan beban kakitangan kerajaan, terutama dalam kegawatan ekonomi sekarang.

Katanya, keputusan itu juga diharap lebih telus dan membela nasib kakitangan awam, terutama yang berjawatan rendah.

Beliau berkata, kongres memahami situasi yang dihadapi negara, tetapi tuntutan itu tidak membabitkan pembiayaan yang besar, seperti pembayaran insentif bagi menggantikan bonus.

"Malah, ada antara tuntutan itu sudah dikemukakan sebelum kegawatan ekonomi tetapi belum dipenuhi dan ini menyukarkan pekerja," katanya ketika dihubungi Berita Harian, hari ini.

Tuntutan itu antaranya ialah permohonan bekerja lima hari seminggu, bayaran elaun bandar raya sebanyak 20 peratus daripada gaji pekerja, kaji semula bayaran gaji sistem matriks dan tempoh percubaan enam bulan sebelum perpindahan kakitangan.

Awal bulan ini, Cuepacs bertemu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bagi membincangkan pembayaran insentif menggantikan bonus.

Dalam Belanjawan 1999 pada Oktober lalu, kerajaan mengumumkan tidak akan membayar bonus kepada kakitangan kerajaan berikutan kegawatan ekonomi.

Siva berkata, proses untuk mendapatkan tuntutan itu agak sukar apabila kerajaan tidak mahu berbincang dan membekukan semua permohonan.

Menurutnya, tindakan itu hanya membebankan kakitangan perkhidmatan awam yang akan menyebabkan prestasi pekerja menurun.

Selain itu, katanya, kegagalan kerajaan memenuhi tuntutan itu juga akan mengakibatkan produktiviti berkurangan.

"Kerajaan perlu lebih bertimbang rasa kerana sejak akhir tahun lalu pekerja sudah membenarkan beberapa kemudahan ditarik balik," katanya.

(END)